

UTUSAN MALAYSIA, 11.6.2009

DALAM NEGERI

Bantah swasta sisa pepejal

ALOR SETAR 10 Jun - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta kerajaan mengkaji cadangan melaksanakan penswastan sisa pepejal di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mulai Ogos ini.

Presiden CUEPACS, Omar Osman berkata, cadangan itu perlu dikaji semula bagi memastikan kebajikan kira-kira 25,000 pekerja sokongan perkhidmatan sisa pepejal dalam organisasi pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri terbabit tidak terabai.

"Kami mahu kerajaan mengadakan perbincangan secara terperinci dengan CUEPACS sebelum melaksanakan perkara ini.

"Kami harap dapat berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selewat-lewatnya 27 Jun ini sebelum mesyuarat kesatuan berlangsung di Perak," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Semalam, kira-kira 400 pekerja PBT dari negeri ini mengadakan piket secara aman di Bangunan Persatuan Lungyen di sini bagi membantah penswastan sisa pepejal itu.

Menurut Omar, CUEPACS tidak bersetuju dengan pilihan yang diberikan oleh pihak majikan kepada pekerja jika pengurusan sisa pepejal diswastakan.

"Pekerja diberi dua pilihan iaitu diserapkan ke dalam syarikat swasta yang akan mengambil alih pengurusan sisa pepejal atau bersara," ujarinya.

Jelas Omar, CUEPACS tidak bersetuju dengan pilihan yang diberi itu kerana pihak kesatuan mahu pekerja yang terlibat diserapkan ke dalam Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Selain itu, katanya, pilihan lain yang dicadangkan oleh CUEPACS ialah pihak PBT mengekalkan pekerja-pekerja tersebut dan diberi tugas di dalam unit-unit lain.

Jelas Omar, jika pekerja-pekerja diserapkan ke dalam Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam mereka akan menikmati faedah seperti petugas-petugas awam yang lain.

"Kami mahu pekerja-pekerja ini menikmati bonus, kenaikan gaji, faedah perubatan serta pencen sama seperti kakitangan awam yang lain.

"Kami tidak menghalang penswastan ini namun biarlah dengan pelaksanaannya kebajikan pekerja-pekerja terjaga serta tidak teraniaya," tambahnya.